

# ورتا فنرغن Warta Penerangan



September 2017





*Dengan Ingatan Tulus Ikhlas*  
*Daripada*  
**Jabatan Penerangan,  
Jabatan Perdana Menteri.**



**Terbitan Unit Penerbitan Melayu  
Jabatan Penerangan  
Jabatan Perdana Menteri**

***“Membudayakan Masyarakat Bermaklumat”***

# Sidang Redaksi

Penasihat  
Mawardi bin Haji Mohammad

Penyelaras / Penyemak / Reka Letak  
Unit Penerbitan Melayu

Sumber Berita & Fotografi  
PELITA BRUNEI dan  
Pegawai dan Kakitangan  
Jabatan Penerangan



# Isi Kandungan

# Muka

Poster Rasmi Sambutan Jubli Emas KDYMM Menaiki Takhta	5
Poster Istiadat Perarakan Mengelilingi Bandar Seri Begawan	6
Timba Pengalaman menerusi penempatan	7
Awasi anak-anak agar tidak terjerumus masalah sosial	8 - 9
Program Awasi Anak Kitani tingkatkan kesedaran ibu bapa	10 - 11
Rombongan PRD Thailand akhiri lawatan	12
Program Masyarakat Bermaklumat bariga perkembangan usaha kerajaan	13 - 14
Lawatan Rombongan Program Masyarakat Bermaklumat	15
Semai Cintakan Negara kepada pelajar	16 - 17
136 pelajar hadiri Taklimat Kenegaraan	17 - 19
Doa Selamat bagi pegawai yang akan bersara	19
Poster Rasmi Sambutan Jubli Emas KDYMM mendapat sambutan	20
Majlis Sambutan Khatam Al-Quran	21
Pedoman: Ibadah Korban Disyariatkan kepada Setiap Umat	21
Senarai Pegawai dan kakitangan yang mengikuti taklimat, kursus dan seminar	21
Aktiviti Jabatan Penerangan di Bulan September	22
Peristiwa Jabatan Penerangan	23

**W**ARTA Penerangan merupakan sebuah majalah terbitan Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri yang memaparkan aktiviti dan program jabatan sepanjang bulan.

Sumber berita dan gambar dipetik dari Pelita Brunei, hasil penulisan pegawai dan kakitangan jabatan.

Warga Jabatan Penerangan juga dialu-alukan untuk memberi sumbangan berita dan gambar aktiviti-aktiviti di bahagian dan cawangan masing-masing.

Berita dan gambar berkenaan boleh dihantar ke Unit Penerbitan Melayu, Tingkat 2, Bangunan Lama Jabatan Penerangan.

NOTA: Sidang Redaksi memohon maaf jika terdapat sebarang berita, maklumat, gambar dan sebagainya yang tidak disiarkan dalam keluaran ini. Harap maklum.



5 OKTOBER 2017



# جوبلی امس مناءیکی تخت *Jubli Emas Menaiki Takhta*

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah  
Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien  
Sa'adul Khairi Waddien,  
Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha  
binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam



HMjubilemas



HMjubilemas



HMjubilemas



Layan laman sesawang  
rasmi Jubli Emas




# استعادت قارقن مغليلينغي بندر سري بڬاون

## ISTIADAT PERARAKAN MENGELILINGI BANDAR SERI BEGAWAN

SEMPENA SAMBUTAN JUBLI EMAS KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA  
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM MENAIKI TAKHTA

HARI KHAMIS, JAM 9.00 PAGI  
14 MUHARRAM 1439 BERSAMAAN 5 OKTOBER 2017



ORANG RAMAI ADALAH DIALU-ALUKAN UNTUK HADIR  
DAN MENYAKSIKAN ISTIADAT GILANG-GEMILANG



HMjubliemas



HMjubliemas



HMjubliemas



Layari laman sesawang  
rasmi Jubli Emas

# Timba Pengalaman menerusi penempatan

Teks dan Foto: Unit Penerbitan Melayu

**B**ANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 27 September.- Para mahasiswa dan mahasiswi dari berbagai pengajian tinggi yang mengikuti penempatan kerja di Jabatan Penerangan merasakan peluang yang diberikan kepada mereka itu sangat bermakna dalam mengharungi kehidupan terutama sebagai bekal melangkah ke alam pekerjaan yang sebenarnya.

Perkara ini terkandung dalam ungkapan beberapa orang mahasiswa dan mahasiswi yang menamatkan penempatan kerja setelah beberapa bulan di Jabatan Penerangan menjalani latihan.

Menurut Dayang Siti Nurul Nabilah binti Haji Johari, selama berada di Jabatan Penerangan beliau banyak menimba ilmu dan pengalaman serta mengucapkan terima kasih di atas peluang yang diberikan itu walaupun masa penempatan tersebut lebih kurang sebulan.

Beliau menyatakan perkara tersebut semasa perjumpaan terakhir beliau bersama Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad.

Manakala itu Muhammad Syuib bin Haji Awang yang berada di jabatan ini lebih dua bulan pula merasakan kegembiraan dan berterima kasih di atas sambutan dan pengalaman bekerja yang diperolehi.

Katanya setelah ditempatkan di berbagai unit, banyak pengalaman dan berbagai cara kerja dapat ditimba sebagai bekal di kemudian hari terutama dalam menempuh alam pekerjaan.

Sementara Abu Hanaffiah bin Abu Bakar menyatakan keseronokkannya semasa menjalani penempatan hampir tiga bulan di jabatan ini.

“Banyak ilmu dan pengajaran saya terima semasa berada di Jabatan Penerangan ini, pengalaman inilah yang akan saya bawa untuk melanjutkan pelajaran keperingkat seterusnya”.



**PENGARAH** Penerangan Awang Mawardi bin Haji Mohammad semasa menyampaikan sijil kepada Dayang Siti Nurul Nabilah binti Haji Johari.



**MUHAMMAD** Syuib bin Haji Awang sewaktu menerima sijil dari Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad.

Ketika mengongsikan pengalaman yang tidak dilupakan beliau menyatakan bahawa hubungan baik antara pegawai dan kakitangan adalah suatu yang bermakna baginya.

Ini lebih terbukti apabila suatu ketika apabila beliau yang mengalami gangguan kesihatan telah menerima pertolongan dan perhatian dari pegawai dan kakitangan termasuk Pemangku Timbalan Pengarah Penerangan.

## Awasi anak-anak agar tidak terjerumus masalah sosial

Berita dan Foto: Ak. Syi'aruddin Pg. Dauddin

**B**ANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 9 September. - Program Awasi Anak Kitani (AAK) dihasrat dapat meningkatkan lagi kesedaran ibu bapa mengenai pencegahan dan mengawal anak masing-masing kerana mereka berperanan penting dalam mengawasi anak-anak agar tidak terjerumus dengan perangkap dadah dan isu-isu keselamatan dalam negeri.

Program anjuran Unit Hubungan Masyarakat, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan, Jabatan Penerangan dengan Kerjasama Biro Kawalan Narkotik (BKN), Jabatan Keselamatan Dalam Negeri (JKDN), Pejabat Peguam Negara serta Takmir Masjid Al-Muhtadee Billah Sungai Kebun kali ini diadakan di Mukim Sungai Kebun.



**PEMANGKU Pegawai Penerangan Kanan, Dayang Hajah Rabi'atul 'Adawiyah binti Haji A. Ahmad semasa hadir pada majlis tersebut.**

Seramai 73 penduduk yang menetap di Mukim Sungai Kebun menghadiri program tersebut yang diadakan di Dewan Masjid Al-Muhtadee Sungai Kebun.

Hadir selaku tetamu kehormat bagi program tersebut ialah Pemangku Pegawai Penerangan Kanan, Dayang Hajah Rabi'atul 'Adawiyah binti Haji A. Ahmad, selaku Pemangku Ketua Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan, Jabatan Penerangan.

Acara diisikan dengan ucapan alu-aluan disampaikan oleh Pegawai Penerangan, Awang Muhammad Khairulhadi bin Haji Muhd Muhtaddir, selaku Pengurus Jawatankuasa Program AAK, diikuti dengan taklimat yang disampaikan oleh wakil-wakil dari BKN, JKDN dan Pejabat Peguam Negara.

Selain daripada taklimat, sesi soal jawab turut diadakan bagi menguatkan lagi kefahaman para jemputan program. Para penduduk seterusnya dijemput untuk menyaksikan bahan pameran dari BKN dan JKDN.

Juga hadir ialah para pegawai dari Jabatan Penerangan, BKN, JKDN, Pejabat Peguam Negara serta ketua-ketua kampung dari Mukim Sungai Kebun.



**PEGAWAI Penerangan, Awang Muhammad Khairulhadi bin Haji Muhd Muhtaddir, selaku Pengerusi Jawatankuasa Program AAK semasa berucap pada majlis tersebut (kiri) manakala salah seorang penduduk ketika menyaksikan pameran pada program tersebut (kanan).**



**SALAH** seorang penduduk ketika mengajukan soalan pada sesi soal jawab pada program berkenaan.

# Program Awasi Anak Kitani tingkatkan kesedaran ibu bapa

**Berita dan Foto : Noraisah Haji Muhammed**

**KUALA BELAIT**, Selasa, 12 September. - Program Awasi Anak Kitani yang dianjurkan oleh Unit Hubungan Masyarakat, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan, Jabatan Penerangan dengan kerjasama dari berbagai agensi di negara ini adalah untuk menambah dan meningkatkan lagi kesedaran ibu bapa mengenai pencegahan dan mengawal anak masing-masing daripada penyalahgunaan dadah dan isu-isu keselamatan dalam negara.



**HADIR** selaku tetamu kehormat bagi Program Awasi Anak Kitani, Penghulu Mukim Belait, Awang Haji Pungut bin Ali.

Dalam menyebarluaskan maklumat tersebut Jabatan Penerangan Cawangan Daerah Belait meneruskan program berkenaan bersama Biro Kawalan Narkotik (BKN), Jabatan Keselamatan Dalam Negeri (JKDN), Pejabat Peguam Negara serta Majlis Perundingan Kampung Pandan, Daerah Belait.

Hadir sama pada program berkenaan Penghulu Mukim Belait, Awang Haji Pungut bin Ali bersama ketua-ketua kampung Mukim Belait, para pegawai kanan dari Jabatan Penerangan, BKN, JKDN, Pejabat Peguam Negara serta para penduduk di bawah tадahan Mukim Belait.

Pegawai Penerangan, Awang Mohamad Hisyam bin Idris, selaku Ketua Penerangan Cawangan Daerah Belait dalam ucapannya telah menerangkan visi serta matlamat program berkenaan.

Taklimat yang berhubung kait dengan bahaya dadah telah disampaikan oleh Pegawai Narkotik, Dayang Hajah Norhayani Abdullah sementara mengenai ‘Jenayah Siber’ pula disampaikan oleh wakil dari Pejabat Peguam Negara, iaitu Penasihat Undang-Undang, Dayang Nor‘Adliatul Hidayah binti Haji Mohd Zaidi dan Pegawai Undang-Undang, Awang Ratno Eddy Sophian bin Haji Zaidi, yang sedikit sebanyak menyentuh mengenai jenayah yang dilakukan melalui internet dan sebagainya.

Manakala taklimat mengenai dengan isu-isu keselamatan dalam negeri dan yang di bawah pantauannya telah disampaikan oleh Awang Moorsalin bin Haji Sarbini.



*SEBAHAGIAN para penduduk di bawah tadahan Mukim Belait semasa hadir pada program berkenaan.*

Manakala ibu bapa dan penjaga yang hadir pada program tersebut turut mengongsikan maklumat terutama yang menghadapi anak-anak yang telah terjerumus dalam aktiviti yang tidak sihat di samping berkesempatan untuk memberi dan berkongsi saranan bagaimana membaik pulih akhlak bekas-bekas penagih bagi sama-sama melihat mereka dapat

berbakti semula kepada keluarga dan negara dan menjalani kehidupan yang lebih terjamin.

Program diteruskan dengan sesi soal jawab bersama para jemputan dan diakhiri dengan menyaksikan pameran Jabatan Penerangan, Biro Kawalan Narkotik dan Jabatan Keselamatan Dalam Negeri.



*KETUA Biro Wanita Kampung Pandan 'C', Dayang Hajah Jariamah bin Duraman bersama Ahli-ahli Biro Wanita yang lainnya semasa hadir pada program tersebut (kanan).*



*SALAH seorang pegawai semasa memberikan taklimat kepada para penduduk.*

## Rombongan PRD Thailand akhiri lawatan

Berita dan Foto: Hernie Suliana Haji Othman



**ROMBONGAN** Program Pertukaran Pegawai Penerangan dan Media Thailand bertukar pandangan dan pendapat bersama pegawai-pegawai Jabatan Penerangan sebelum berlepas meninggalkan Negara Brunei Darussalam setelah mengikuti program tersebut selama lima hari.

**B**ANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 1 September.- Rombongan seramai tiga orang Pegawai Penerangan dan Media dari Jabatan Perhubungan Awam (PRD) Thailand yang mengikuti Program Pertukaran Pegawai Penerangan dan Media Thailand menamatkan lawatan mereka setelah berada di negara ini selama 5 hari.

Program pertukaran itu merupakan salah satu projek yang telah dipersetujui di antara Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Bersama di bawah Memorandum Persefahaman di antara Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan Kerajaan Thailand dalam bidang penerangan.

Rombongan diketuai oleh Ketua Kerjasama Memorandum Persefahaman, Bahagian Kerjasama Antarabangsa, Pejabat Hal Ehwal Luar, PRD Thailand, Puan Siriwan Dampreeda.

Semasa berada di negara ini rombongan telah mengadakan beberapa lawatan antaranya ke Jabatan Penerangan, Jabatan Televisyen Radio dan Brunei, Pusat Pembangunan Belia, Brunei Press serta ke tempat-tempat tarikan pelancong di negara ini.

Berada di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei mengucapkan selamat belayar ialah Pegawai Tugas-Tugas Khas Tingkat II, Ketua Unit Hal Ehwal Antarabangsa Jabatan Penerangan, Awang Abdul Karim bin Hamdan.

# Program Masyarakat Bermaklumat bariga perkembangan usaha kerajaan

Berita dan Foto : Hernie Suliana Haji Othman, Ak Syi'aruddin Pg. Dauddin



**PEMANGKU Timbalan Pengarah Penerangan, Dayang Hajah Noorashidah binti Haji Aliomar selaku tetamu kehormat majlis ketika bergambar ramai bersama peserta Program Masyarakat Bermaklumat dari Kampong Telisai, Bukit Beruang dan Kampung Danau.**

**T**UTONG, Selasa, 19 September. - Seramai 36 orang terdiri daripada penduduk Kampung Telisai, Kampung Bukit Beruang dan Kampung Danau menghadiri Program Masyarakat Bermaklumat yang berlangsung selama dua hari bermula hari ini, bertempat di Dewan Kemasyarakatan Kampung Bukit Beruang, Tutong, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat pada hari pertama program tersebut ialah Pemangku Timbalan Pengarah Penerangan, Dayang Hajah Noorashidah binti Haji Aliomar.

Juga hadir ialah Ketua Kampung Telisai, Awang Haji Maidin bin Abdul Wahid; Ketua Kampung Bukit Beruang, Awang Ahmad bin Aman dan Pemangku Ketua Kampung Danau, Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Tahir serta pegawai-pegawai juga kakitangan dari Jabatan Penerangan.



**PEMANGKU Timbalan Pengarah Penerangan, Dayang Hajah Noorashidah binti Haji Aliomar semasa hadir pada majlis tersebut.**



**SALAH seorang penduduk kampung ketika mengutarakan persoalan di majlis tersebut.**



**PEMANGKU Pegawai Penerangan Kanan, Dayang Hajah Rabi'atul 'Adawiyah binti Haji A. Ahmad sewaktu berucap di majlis tersebut.**

Pemangku Pegawai Penerangan Kanan, Dayang Hajah Rabi'atul 'Adawiyah binti Haji A. Ahmad, selaku Pengurus Majlis dalam ucapannya menerangkan bahawa program tersebut merupakan salah satu landasan Jabatan Penerangan untuk menyampaikan maklumat rasmi mengenai dasar dan maksud kerajaan.

Jelasnya program tersebut akan dilaratkan di keempat-empat daerah selaras dengan usaha jabatan ke arah membudayakan masyarakat bermaklumat.

Antara tajuk taklimat yang diserapkan dalam program berkenaan ialah Wawasan Negara 2035 dari Sekretariat Tetap Wawasan Brunei 2035, Jabatan Perdana Menteri; Pelaksanaan Penuh Pendaftaran dan Pelesenan Treler Perahu dari Jabatan Pengangkutan



**SEBAHAGIAN penduduk ketika mendengarkan taklimat yang disampaikan oleh penceramah undangan pada program tersebut.**

Darat, Kementerian Perhubungan; PSC Recruitment System (Online Recruitment System) dari Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Jabatan Perdana Menteri dan Taklimat Isu Pengangguran dan Memilih Pekerjaan dari Jabatan Tenaga dan Perindustrian.

Program tersebut antara lain bertujuan untuk meningkatkan ilmu pengetahuan dan membarigakan perkembangan serta usaha-usaha kerajaan dalam meningkatkan taraf hidup rakyat seperti melalui taklimat-taklimat serta lawatan-lawatan dengan harapan untuk mengukuhkan jati diri dan menyuntik semangat dalam terus memberikan kerjasama dalam mendukung aspirasi negara.

Para peserta juga akan berpeluang membuat lawatan ke Jabatan Perikanan, Muara, Sangkar Nur Nabai dan ODE, Tapak Helif Aquaculture, Mentiri dan DARE (Darussalam Enterprise).

# Lawatan rombongan Program Masyarakat Bermaklumat

Oleh: Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad  
Foto: Azmah Haji Ahad



*PARA peserta Program Masyarakat Bermaklumat bergambar ramai semasa lawatan ke Darussalam Enterprise (DARe) di Kampung Anggerek Desa.*

**B**ANDAR SERIBEGAWAN, Rabu, 20 September. Para peserta yang mengikuti Program Masyarakat Bermaklumat yang diadakan selama dua hari anjuran Jabatan Penerangan diteruskan hari ini dengan dibawa melawat ke beberapa buah tempat seperti Jabatan Perikanan di Muara dan Darussalam Enterprise (DARe) di Kampung Anggerek Desa.

Program yang disertai seramai 36 orang terdiri daripada para penduduk Kampung Telisai, Kampung Bukit Beruang dan Kampung Danau.

Lawatan pada sebelah pagi dimulakan dengan berkunjung ke ibu pejabat Jabatan Perikanan dengan mendengarkan taklimat ringkas yang disampaikan oleh Penolong Pegawai Perikanan, Dayang Rinahwati binti Haji Masri.

Pada lawatan tersebut, para peserta juga dibawa melawat ke beberapa buah tempat seperti Kompleks Pendaratan Ikan, Sangkar Nur Nabai dan ODE, Tapak Helif Aquaculture, Mentiri.

Pada sebelah petang, para peserta berpeluang mengadakan lawatan ke DARe, iaitu pusat platform bagi para pengusaha-pengusaha tempatan yang ingin atau sedang menjalankan perniagaan secara kecil dan sederhana.

Semasa lawatan, para peserta berpeluang mendengarkan taklimat mengenai DARe yang disampaikan oleh Pengurus Business Support Centre, Dayangku Hajah Siti Normardinah binti Pengiran Haji Omarali.



*PARA peserta program ketika dibawa melawat ke salah sebuah ternakan ikan dalam sangkar.*

# Semai cintakan negara kepada pelajar

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani / Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah



**CUCUNDA Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Yang Amat Mulia Pengiran Anak 'Abdul Haseeb bin Pengiran Maharaja Setia Laila Diraja Sahibul Irshad Pengiran Anak Haji Abdul Rahim (barisan kedua, satu dari kiri) antara pelajar yang mengikuti taklimat tersebut.**

**B**ANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 18 September.- Dalam usaha berterusan bagi menyemai semangat patriotisme serta menghormati lagu kebangsaan dan bendera negara, Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri melalui Unit Kenegaraan, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan telah menyampaikan Taklimat Kenegaraan ‘Menghayati Bendera dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam’ kepada lebih 80 penuntut Tahun 7 Sekolah Antarabangsa Brunei (International School Brunei.)

Berangkat semasa taklimat tersebut ialah Yang Amat Mulia Pengiran Anak ‘Abdul Haseeb bin Pengiran Maharaja Setia Laila Diraja Sahibul Irshad Pengiran Anak Haji Abdul Rahim.

Taklimat yang berlangsung di Dewan Teater, sekolah berkenaan disampaikan oleh Pegawai Penerangan, Dayang Hajah Hamsah binti Datu Kerna Haji Jaya selaku Ketua Unit Kenegaraan.



Dalam taklimat tersebut, Dayang Hajah Hamsah antara lain menyentuh mengenai tatacara menaik-kibarkan bendera negara dan sejarah Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam ‘Allah Peliharakan Sultan’ dengan terperinci.

Pada taklimat itu, para penuntut telah menyaksikan klip video ‘Kibarkanlah Dengan Megah Bendera Negara’, ‘Semarak Pengibaran Bendera Negara’ dan video animasi ‘Tatacara Menaikkan Bendera Negara’ serta klip video Aplikasi Mudah Alih ‘InfoDeptBN’.

**Pegawai Penerangan, Dayang Hajah Hamsah binti Datu Kerna Haji Jaya ketika menyampaikan taklimat pada program tersebut.**



*SEBAHAGIAN penuntut yang hadir dalam taklimat tersebut.*

Para penuntut juga berpeluang menyertai Kuiz Kenegaraan yang dikendalikan sejurus selepas sesi taklimat. Program berkenaan turut dihadiri oleh Pengetua Eksekutif (Executive Principal), Dr Steven Geraghty dan tenaga-tenaga pengajar sekolah.

Taklimat diakhiri dengan penyampaian hadiah kepada para penuntut yang berjaya menjawab Kuiz Kenegaraan.

Program ini adalah salah satu usaha berterusan Jabatan Penerangan dalam menyemai cinta terhadap Raja, agama, bangsa dan negara di samping mengukuhkan semangat solidariti, patriotik dan kenegaraan yang tinggi dalam diri penuntut melalui lagu kebangsaan dan bendera negara.

---

## 136 pelajar hadiri Taklimat Kenegaraan

Berita dan Foto: Haji Ariffin Mohd. Noor/Morshidi

---

**B**ANDAR SERI BEGAWAN- Selang tiga hari kemudian iaitu tepatnya pada hari Khamis, 21 September, Jabatan Penerangan melalui Unit Kenegaraan, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan meneruskan Taklimat Menghayati Bendera Negara dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam dengan berkunjung ke Sekolah Menengah St. Andrew, di sini.

Taklimat tersebut adalah untuk menyemai semangat patriotisme dalam kalangan para penuntut agar menghormati serta menjiwai lagu kebangsaan dan bendera negara.



*TAKLIMAT kenegaraan disampaikan oleh Pegawai Penerangan, Dayang Hajah Hamsah binti Datu Kerna Haji Jaya.*



**PEGAWAI** dari Jabatan Penerangan bersama guru dan penuntut semasa bergambar ramai pada program berkenaan.



**TATA** cara menaikkan bendera negara dengan betul turut disentuh pada program berkenaan.

Taklimat yang menyentuh reka bentuk awal bendera negara, perkembangan bendera hingga ke hari ini dan diikuti dengan tatacara menaikkan bendera negara serta sejarah Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam ‘Allah Peliharakan Sultan’, merupakan antara perkara-perkara yang disampaikan semasa taklimat oleh Pegawai Penerangan, Dayang Hajah Hamsah binti Datu Kerna Haji Jaya, selaku Ketua Unit Kenegaraan.

Semasa menyampaikan taklimat, beliau turut menasihatkan para warga sekolah khususnya penuntut-penuntut untuk sentiasa menghormati akan lambang perpaduan negara tersebut dan sama-sama mengibarkan bendera negara dengan semangat patriotisme, pada waktu-waktu yang telah diisyiharkan seperti semasa acara-acara kenegaraan, seperti Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam, Hari Kebangsaan dan hari-hari yang diisyiharkan dari semasa ke semasa melalui televisyen dan corong-corong radio serta akhbar rasmi kerajaan Pelita Brunei.

Taklimat Kenegaraan disertai oleh seramai 136 orang pelajar Tahun 7 sekolah berkenaan dan diakhiri dengan sesi Kuiz Kenegaraan dengan penyertaan aktif dari para pelajar.

Turut hadir pada sesi taklimat ini ialah Timbalan Pengetua, Dr. Chong Ah Fok, pegawai-pegawai dan guru-guru sekolah berkenaan.

Sementara itu program yang sama turut diadakan di Sekolah Antarabangsa Jerudong.



**SALAH** seorang penuntut menerima hadiah setelah berjaya menjawab soalah Kuiz Kenegaraan.



*PARA pegawai dari Jabatan Penerangan semasa bergambar ramai bersama penuntut-penuntut JIS sejurus selesainya Taklimat Menghayati Bendera Negara dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam.*

Program yang lebih menjurus kepada sifat-sifat menyemai cinta terhadap Raja, agama, bangsa dan negara ini diadakan pada 27 September lepas di sekolah berkenaan disamping menanam semangat solidariti, patriotik dan kenegaraan yang tinggi dalam diri penuntut melalui lagu kebangsaan dan bendera negara.

Taklimat disampaikan oleh Pegawai Penerangan, selaku Ketua Unit Kenegaraan Dayang Hajah Hamsah binti Datu Kerna Haji Jaya.

## Doa selamat bagi pegawai yang akan bersara

Berita dan Foto oleh: Unit Penerbitan Melayu

**B**AHAGIAN Penerbitan dan Seni Grafik (PSG) telah mengadakan Majlis Doa Selamat bagi mengenang jasa yang telah dicurahkan oleh Awang Ishak bin Haji Othman yang akan cuti bersara setelah berkhidmat di Jabatan Penerangan lebih tiga dekad.

Majlis diadakan pada hari Rabu 27 September di bilik Bahagian PSG, Jabatan Penerangan.

Awang Ishak yang pernah ditempatkan di berbagai unit di Jabatan Penerangan, terakhir ditempatkan di Bahagian Penerbitan Inggeris.

Hadir sama di majlis itu termasuklah ketua-ketua unit PSG, pegawai dan kakitangan bahagian berkenaan.

Majlis doa selamat turut diselanjurkan bagi menghargai pelajar-pelajar yang akan menamatkan tempoh penempatan kerja di Jabatan Penerangan.

Bagi memohon keberkatan dan keredaan Allah, Doa Selamat dibacakan oleh Ketua Unit Penerbitan Inggeris, Awang Haji Dayang bin Haji Kassim.



*AWANG Ishak bin Haji Othman (kiri) semasa hadir pada majlis tersebut.*




*KETUA Unit Penerbitan Inggeris, Awang Haji Dayang semasa menyampaikan ucapan penghargaan pada majlis itu.*

# Poster Rasmi Sambutan Jubli Emas Kebawah DYMM Mendapat Sambutan

Berita dan Foto oleh: Unit Penerbitan Melayu

**PEMBANTU Pelukis, Awang Hairun Nadhir Ismail semasa melaksanakan kerja-kerja akhir pembuatan poster Rasmi Sambutan Jubli Emas Kebawah DYMM Menaiki Takhta.**



**B**AGI membarangakan dan memeriahkan Sambutan Jubli Emas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Menaiki Takhta Ke-50 tahun, Jabatan Penerangan selaku Jawatankuasa Media, Publisiti, Pameran dan Percetakan telah mengeluarkan Poster Rasmi Sambutan Jubli Emas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Menaiki Takhta yang mula diedarkan pada 21 September 2017.

Memandangkan sambutan yang sangat menggalakkan poster tersebut telah dicetak sebanyak dua kali.



**ORANG ramai mula mendatangi Jabatan Penerangan untuk mendapatkan poster.**



**ORANG ramai perlu mencatatkan nama sebelum mendapatkan poster.**



**KAKITANGAN Bahagian Pengedaran semasa mengagihkan poster tersebut kepada orang ramai.**

# 89 pelajar Tahun 11 SM Sayyidina Othman khatam Al-Quran

Siaran Akhbar dan Foto : Sekolah Menengah Sayyidina Othman



**KETUA Cawangan Penerangan Daerah Tutong, Awang Hasanul Hidayat bin Haji Abu Bakar semasa menyampaikan sijil kepada salah seorang peserta khatam Al-Quran.**

tamat pembacaan 30 juzuk, di samping memohon keberkatan daripada Allah Subhanahu Wata'ala bagi menghadapi Peperiksaan GCE / IGCSE Peringkat 'O' untuk tahun 2017.

**T**UTONG, Khamis, 21 September. - Seramai 89 pelajar Tahun 11 Sekolah Menengah Sayyidina Othman (SMSO), Tutong diraikan pada Majlis Khatam Al-Quran yang telah berlangsung di Auditorium sekolah berkenaan.

Ketua Cawangan Penerangan Daerah Tutong, Awang Hasanul Hidayat bin Haji Abu Bakar hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut.

Majlis juga dihadiri para jemputan dan ibu bapa serta penjaga pelajar yang menyertai Khatam Al-Quran.

Acara tersebut merupakan acara tahunan sekolah tersebut terutama bagi pelajar Tahun 11 yang telah

## Pedoman:

### Ibadah Korban Disyariatkan Kepada Setiap Umat

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Hajj: ayat 34, tafsirnya:

"Dan bagi tiap-tiap umat (sebelum kamu), Kami syariatkan ibadat penyembelihan korban supaya mereka menyebut nama Allah atas rezeki yang dikurniakan Allah kepada mereka daripada binatang ternakan. Maka Tuhan kamu adalah Tuhan yang Maha Esa kerana itu berserah dirilah kamu Kepada-Nya dan sampaikanlah khabar gembira (wahai Nabi Muhammad) kepada orang-orang yang tunduk taat kepada (Allah)."

## Senarai pegawai dan kakitangan yang mengikuti Kursus/Taklimat/Bengkel Bulan September 2017

Nama	Jawatan	Kursus/ Bengkel/ Seminar	Tarikh
Awang Haji Shamsuddin bin Haji Omar	Kerani	Perkeranian	4-9/9/ 2017
Awang Musa bin Mohiddin	Pegawai Penerangan	Tatacara Persuratan	19-20/9/2017
Dayang Ruhil Amal Faridah binti Awang Yahya	Pegawai Penerangan	Tatacara Persuratan	19-20/9/2017
Awang Muhd Khairulhadi bin Haji Muhd.Muhtaddir	Pegawai Penerangan	Tatacara Persuratan	19-20/9/2017

## Aktiviti Jabatan Penerangan di Bulan September



PEGAWAI dan MRO yang bertugas semasa Majlis Korban KDYMM di Jame 'Asr Hassanal Bolkiah bergambar bersama Setiausaha Tetap (Media dan Kabinet) Jabatan Perdana Menteri.



Awang Khairul Shaharim ketika memberikan penerangan tentang Media Pool kepada para Sukarelawan Jubli Emas KDYMM.



PEGAWAI dan MRO yang bertugas di Istana Nurul Iman semasa pembahagian daging Korban dan Akikah.




SETIAP hari Khamis pegawai dan kakitangan akan membaca tahlil di Surau Jabatan Penerangan.



PEGAWAI dan MRO Jabatan Penerangan bersama pengamal media tempatan semasa bertugas sempena Majlis Sambutan Hari Ulang Tahun Angkatan Bersenjata Diraja Brunei 2017.

## Peristiwa Jabatan Penerangan



Pertunjukan wayang gambar merupakan salah satu perkhidmatan yang diberikan oleh Perkhidmatan Penerangan Brunei suatu masa dulu dan ianya merupakan salah satu bentuk penyebaran maklumat yang berkesan kepada masyarakat di negara ini di samping sebagai suatu hiburan kepada orang ramai.



### Wayang Gambar:

Buku Annual Report on Brunei 1954 mencatatkan sepanjang tahun 1954 Jabatan Penerangan Brunei telah menayangkan sebanyak 197 filem ke seluruh negara dengan anggaran penonton seramai 63,665 terutama di kalangan penduduk di pedalaman.

Dengan cara ini memberi peluang kepada pihak kerajaan menyemai sikap keberkesanan dan persefahaman seperti yang dilaporkan dalam buku Annual Report on Brunei 1954.

*Sila layari laman sesawang Jabatan Penerangan di:*

<http://www.penerangan.gov.bn>  
<http://www.information.gov.bn>  
<http://www.pelitabrunei.gov.bn>  
<http://www.infofoto.gov.bn>



*Media Sosial Penerangan:*

Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri



infodept.bn



infodept\_bn

Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri,  
Lapangan Terbang Lama, Berakas, BB3510, Negara Brunei Darussalam.  
Tel : 2383400 Faks : 2382242